



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM

INSURANS INDEMNITI PROFESIONAL

KETETAPAN UMUM NO. 5/2006

TARIKH KELUARAN: 31 MEI 2006



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**INSURANS INDEMNITI
PROFESIONAL**

**Ketetapan Umum No. 5/2006
Tarikh Keluaran: 31 Mei 2006**

KANDUNGAN

	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Secara am	1
4. Insurans indemniti profesional	1
5. Potongan perbelanjaan bayaran premium insurans indemniti profesional	2
6. Pengenaan cukai ke atas prosid insurans	4
7. Tarikh kuatkuasa	4

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**

1. Ketetapan ini menjelaskan:

- (i) potongan bagi perbelanjaan premium yang dibayar untuk polisi insurans indemniti profesional; dan
- (ii) pengenaan cukai ke atas prosid insurans yang diterima daripada insurans indemniti profesional.

2. Peruntukan yang berkaitan dengan potongan perbelanjaan premium dan pengenaan cukai ke atas prosid insurans indemniti profesional ialah seksyen 33 dan 22 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

3.1 "Orang" termasuk individu, perkongsian dan syarikat.

3.2 "Profesion" termasuk profesion peguam, akauntan, arkitek, doktor, jurutera dan juruukur atau profesion lain di mana status profesion diiktiraf oleh undang-undang bertulis atau statut.

3.3 "Profesional" bermaksud seseorang yang termasuk dalam suatu profesion di mana keahlian dalam profesion tersebut merupakan prasyarat penting untuk beliau menjalankan perniagaan dalam profesion tersebut.

4. **Secara am**

Pada amnya, sesuatu premium yang dibayar ke atas insurans, di mana ia bertujuan kesemua dan semata-mata untuk memulih wang supaya boleh menampung perbelanjaan yang bersifat hasil apabila berlaku sesuatu peristiwa yang diinsuranskan, adalah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.

5. **Insurans indemniti profesional**

5.1 Seorang profesional, disebabkan jenis pekerjaannya, berkemungkinan terdedah kepada dakwaan guaman kerana kecuaiian profesional yang dilakukan atau terhadap apa yang telah diperkatakan dalam melaksanakan pekerjaannya.

Contoh 1

Seorang akauntan mungkin telah memberi nasihat dengan tidak berhati-hati mengenai urus niaga kewangan kepada seorang pelanggan yang kemudiannya mengalami kerugian wang selepas bertindak atas nasihatnya.

Pelanggan tersebut berkemungkinan menyaman akauntan berkenaan atas kerugian yang dialami dan menuntut pampasan daripadanya.

- 5.2 Insurans indemniti profesional adalah suatu polisi yang diambil bagi melindungi penanggung insurans daripada tanggungan berkaitan dengan kecuaiannya individu. Insurans ini adalah untuk melindungi tanggungan yang sepatutnya akan ditanggung oleh seseorang berkenaan. Insurans boleh melindungi kos mempertahankan dakwaan dan kos gantirugi.
- 5.3 Amalan pembelian insurans indemniti profesional mungkin suatu keperluan di bawah undang-undang kecil atau peraturan profesion atau mungkin dibeli atas alasan penghematan.

6. Potongan perbelanjaan bayaran premium insurans indemniti profesional

- 6.1 Premium yang dibayar ke atas insurans indemniti profesional adalah perbelanjaan yang tidak **layak** mendapat potongan di bawah ACP oleh kerana polisi yang diambil adalah untuk melindungi risiko persendirian. Ia adalah perbelanjaan bagi melindungi tuntutan yang dibuat terhadap aset persendirian seseorang itu dan tidak dilakukan kesemuanya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan.
- 6.2 Walau bagaimanapun, dalam kes peguam yang berdaftar dengan Majlis Peguam dan akauntan yang berdaftar dengan Institut Perakaunan Malaysia, di mana pembelian insurans indemniti profesional diwajibkan, premium yang dibayar bagi membeli perlindungan minimum sebagaimana tersebut dalam Akta, peraturan atau undang-undang kecil (dan bagi perlindungan tambahan) adalah dibenarkan sebagai perbelanjaan daripada pendapatan profesionnya sebagai seorang peguam atau seorang akauntan. Konsesi ini diberikan oleh sebab pembelian insurans diperlukan bagi membolehkan pendaftaran mereka dikekalkan dengan badan-badan profesional. (Tanpa pendaftaran tersebut mereka tidak boleh terus mengekalkan dan mengamalkan profesion mereka).
- 6.3 Dalam kes di mana seorang profesional tidak menjalankan praktik profesionnya tetapi menjalankan perniagaan lain atau terlibat dalam bidang penggajian, premium yang dibayar atas insurans indemniti profesional tidak dibenarkan terhadap pendapatan daripada perniagaan lain atau penggajian.

Contoh 2

Ahmad, seorang peguam yang tidak menjalankan praktik sebagai seorang peguam tetapi sebaliknya terlibat dalam perniagaan pengilangan tekstil sepenuh masa. Oleh kerana beliau tidak menjalankan praktik sebagai seorang peguam dan tidak memenuhi syarat kelayakan bagi insurans

indemniti profesional, beliau tidak berhak mendapat potongan, bagi perbelanjaan insurans indemniti profesional yang dibayar bagi mengekalkan status profesional sebagai seorang peguam, daripada pendapatan kasar perniagaan pengilangan tekstil.

- 6.4 Konsesi ini juga diperluaskan meliputi badan-badan profesional lain di mana:
- (a) keahlian adalah keperluan berkanun bagi membolehkan mereka terus praktik sebagai seorang profesional; dan
 - (b) pembelian insurans indemniti profesional adalah keperluan yang telah ditetapkan di bawah statut atau undang-undang kecil.
- 6.5 Di mana sesuatu badan profesional membenarkan ahli-ahlinya mengamalkan profesion dalam bentuk suatu syarikat dan insurans indemniti profesional telah dibeli oleh syarikat tersebut, konsesi seperti yang telah diperjelaskan di bawah perenggan 6.2 di atas juga akan diperluaskan kepada syarikat berkenaan jika syarat-syarat berikut dipenuhi:
- (a) bahawa pembelian insurans indemniti profesional ditetapkan oleh statut, peraturan atau undang-undang kecil bagi profesion berkenaan; dan
 - (b) bahawa pembelian insurans indemniti profesional adalah diwajibkan untuk mengekalkan status profesional ahli-ahli dengan badan profesional berkenaan.

Contoh 3

Precision Consultants Sdn Bhd, yang terbabit dalam profesion kejuruteraan, telah dilantik sebagai perunding untuk projek yang melibatkan kajian kebolehlaksanaan mengenai potensi perniagaan bahan buangan industri. Sebagai sebahagian daripada terma kontrak, Precision Consultants Sdn Bhd dikehendaki membeli insurans indemniti profesional tidak kurang daripada RM 1 juta. Premium yang dibayar untuk tempoh perlindungan adalah RM50,000. Precision Consultants Sdn Bhd membuat tuntutan bagi potongan bayaran premium tersebut. Ia tidak diwajibkan di bawah undang-undang bagi ahli profesion itu untuk membeli insurans indemniti profesional.

Oleh kerana pembelian insurans indemniti profesional adalah tidak diwajibkan untuk mengekalkan status profesional ahli dengan badan profesional, maka premium yang telah dibayar tidak dibenarkan sebagai perbelanjaan terhadap pendapatan kasar perniagaan.



INSURANS INDEMNITI PROFESIONAL

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2006
Tarikh Keluaran: 31 Mei 2006**

7. Pengeunaan cukai ke atas prosid insurans

Di mana premium telah dibenarkan sebagai potongan, sebarang prosid yang diterima berkaitan dengan insurans indemniti profesional akan dikenakan cukai.

8. Tarikh kuatkuasa

Ketetapan ini berkuatkuasa untuk tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang seterusnya.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri**